



## AKU JANJI BAGI PENGGAJIAN PEKHIDMAT DOMESTIK INDONESIA (PDI)

NAMA MAJIKAN: .....

NO. KAD PENGENALAN: .....

ALAMAT PENGGAJIAN PDI: .....  
.....

NO. TELEFON: .....

NAMA AGENSI PEKERJAAN SWASTA: .....

ALAMAT APS: .....  
.....

Kami seperti nama dan alamat di atas dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji untuk mematuhi semua tanggungjawab yang disenaraikan dalam **Aku Janji Bagi Penggajian Pehidmat Domestik Indonesia (PDI)** mengikut undang-undang yang berkuat kuasa dan *Memorandum of Understanding (MoU)* yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara seperti berikut:

### Tanggungjawab Majikan

1. menyediakan dan menandatangani kontrak perkhidmatan yang mengandungi terma-terma yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955 [*Akta A1651*] dan MoU yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara;
2. membayar gaji bulanan sebanyak RM 1,500 kepada PDI mengikut kadar yang dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan;
3. memberi waktu rehat 10 jam sehari, satu hari rehat dalam seminggu dan 8 hari cuti tahunan serta faedah-faedah lain yang diperuntukkan selaras dengan MoU yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara;
4. menanggung perbelanjaan-perbelanjaan PDI termasuklah kos pemeriksaan kesihatan, permit kerja, levi tahunan, visa dan penghantaran pulang PDI yang telah tamat kontrak atau meninggal dunia seperti yang diperuntukkan dalam kontrak perkhidmatan;
5. membantu PDI membuka akaun bank di Malaysia dan memastikan pembayaran gaji bulanan adalah melalui bank;
6. mencarum PERKESO bagi PDI yang digajikan selaras dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4];

7. memastikan kebajikan PDI yang digajikan dan menyediakan bekalan makanan harian yang mencukupi atau elaun makan yang bersamaan dengan kadar makanan harian;
8. menyediakan kemudahan tempat tinggal dan kemudahan asas selaras dengan MoU yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara;
9. memastikan PDI hanya menjalankan kerja-kerja yang telah dipersetujui dalam kontrak perkhidmatan yang telah ditandatangani;
10. tidak memegang dan menyimpan passport serta dokumen-dokumen peribadi PDI selaras dengan Akta Passport 1966 [Akta 150] dan MoU yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara;
11. mengemukakan laporan tentang PDI yang digajikan kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dalam tempoh 30 hari selepas pengajian [Borang PDA 1/13] dan 30 hari selepas penamatan kontrak perkhidmatan [Borang PDA 2/13] selaras dengan MoU yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara (Seksyen 57A dan 57B Akta Kerja 1955 (Akta 265));
12. memperbaharui permit kerja PDI dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh tamat sekiranya berhasrat untuk melanjutkan tempoh pengajian PDI;
13. membuat laporan kepada pihak berkuasa dalam tempoh 24 jam sekiranya PDI melarikan diri;
14. memperoleh *Check Out Memo* (COM) daripada pihak Jabatan Imigresen Malaysia sebelum PDI dihantar pulang ke negara asal; dan
15. mematuhi ketetapan-ketetapan lain yang berkaitan dengan pengajian PDI seperti yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

### **Tanggungjawab APS**

1. mengenakan bayaran kos pengambilan kepada bakal majikan tidak melebihi RM 15,000;
2. menjalankan program orientasi kepada PDI sebelum menempatkannya di tempat pekerjaan;
3. memastikan kebajikan serta menyediakan tempat tinggal dan kemudahan asas kepada PDI sebelum dihantar kepada majikan;
4. menyimpan dan mengemaskini rekod berkaitan penempatan PDI bagi memudahkan pemeriksaan oleh pihak berkuasa;
5. memastikan majikan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas PDI dan mematuhi terma-terma yang telah ditetapkan dalam kontrak perkhidmatan;
6. tidak memegang dan menyimpan passport serta dokumen-dokumen peribadi PDI selaras dengan MoU yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara. Passport

7. hanya boleh dipegang semasa proses pengeluaran pas kerja atau sekiranya melibatkan proses perundangan;
8. tidak dibenarkan untuk menukar majikan PDI sepanjang tempoh penggajian tertakluk kepada polisi dan undang-undang negara;
9. menggantikan PDI lain atau membayar ganti rugi kepada majikan sekiranya PDI disahkan tidak lagi berupaya untuk bekerja dalam tempoh 3 bulan selepas penggajian atau melarikan diri dalam tempoh 6 bulan selepas penggajian;
10. bertanggungjawab sepenuhnya ke atas PDI yang diambil di bawah agensi sepanjang tempoh penggajian PDI di Malaysia;
11. bertanggungjawab untuk melapor kepada Kedutaan Besar Republik Indonesia sekiranya berlaku penamatan kontrak perkhidmatan, PDI melarikan diri atau perkara yang melibatkan kecederaan, kesihatan dan kematian PDI;
12. mematuhi ketetapan-ketetapan lain yang berkaitan dengan penggajian pekerja asing seperti yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Kami sesungguhnya faham sekiranya kami gagal mematuhi **Aku Janji Bagi Penggajian Pehidmat Domestik Indonesia (PDI)** ini, kami boleh –

- (a) dikenakan tindakan di bawah mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan sebagaimana yang dinyatakan di atas; dan/atau
- (b) dikenakan apa-apa tindakan administratif termasuk disenaraihitamkan daripada permohonan untuk menggajikan pekerja asing pada masa akan datang.

.....  
**(Tandatangan Majikan)**

Nama majikan:

No. Kad Pengenalan:

.....  
**(Tandatangan APS)**

Nama wakil APS:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh:

Cop APS:

Di hadapan saya:

.....  
**(Tandatangan Pegawai Tenaga Kerja)**

Nama:

Jawatan

No. Kad Pengenalan:

Tarikh:

Cop Rasmi Jabatan: